

Kn. P.U. 40.**AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976****UNDANG-UNDANG KECIL TAMAN
(MAJLIS DAERAH GUA MUSANG) 2020****SUSUNAN UNDANG-UNDANG KECIL****BAHAGIAN I
PERMULAAN**

Undang-

Undang

Kecil

1. Nama, pemakaian dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran

**BAHAGIAN II
LARANGAN-LARANGAN DI DALAM TAMAN**

3. Kesalahan-kesalahan
4. Membawa masuk binatang
5. Larangan menangkap, menjerat atau membunuh binatang, serangga, ikan atau burung
6. Kenderaan bermotor atau kenderaan tidak bermotor di larang
7. Larangan meletak kenderaan sembarangan dilarang

**BAHAGIAN III
PENGUATKUASAAN**

8. Pengusiran dari taman
9. Kuasa menutup taman
10. Kuasa menyita

**BAHAGIAN IV
AM**

11. Pengkompaunan kesalahan
12. Penalti
13. Pengecualian

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976**UNDANG-UNDANG KECIL TAMAN
(MAJLIS DAERAH GUA MUSANG) 2020**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 102 Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171], Majlis Daerah Gua Musang membuat dan menurut seksyen 103 Akta tersebut, Pihak Berkuasa Negeri mengesahkan undang-undang kecil berikut:

**BAHAGIAN I
PERMULAAN****Nama, pemakaian dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Undang-undang kecil ini bolehlah dinamakan Undang-Undang Kecil Taman (Majlis Daerah Gua Musang) 2020.

(2) Undang-Undang Kecil ini hendaklah terpakai hanya bagi kawasan pentadbiran Majlis Daerah Gua Musang.

(3) Undang-Undang Kecil ini mula berkuat kuasa pada tarikh penyiarnya dalam *Warta*.

Tafsiran

2. Dalam Undang-Undang Kecil ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain -

“kenderaan bermotor” ertinya kenderaan daripada apa-apa perihalan, yang didorongi oleh jentera mekanisme yang terkandung di dalam badan kenderaan itu dan dibina atau disesuaikan supaya dapat digunakan di atas jalan dan air;

“kenderaan tidak bermotor” termasuklah basikal, basikal beroda tiga, kereta sorong dan pedati;

“Majlis” ertinya Majlis Daerah Gua Musang;

“Orang Kelainan Upaya” ertinya mereka yang mempunyai kekurangan jangka panjang fizikal, mental, intelektual atau deria yang apabila berinteraksi dengan pelbagai halangan, boleh menyekat penyertaan penuh dan berkesan mereka dalam masyarakat;

“Setiausaha” ertinya Setiausaha Majlis Daerah Gua Musang;

“struktur” ertinya apa-apa rumah, pondok, bangsal, gerai, papan tanda, khemah, warung, meja, tiang, tiang sandar, tempat bertenduh, kepungan beratap atau apa-apa sambungan atau apa-apa binaan lain dari apa-apa jua bahan;

“taman” termasuklah kawasan lapang, medan pejalan kaki, kebun bunga, zoo atau mini zoo, kawasan rekreasi atau hiburan taman permainan kanak-kanak, padang permainan, bulatan, batasan tengah sepanjang jalan, sisian jalan, rizab jalan, tempat perhentian, tasik, anak sungai, tebing sungai, pantai atau mana-mana perkarangan yang disenggarakan oleh Majlis bagi tujuan awam atau di bawah bidang kuasa Majlis;

“utiliti” termasuk paip air, kabel dan wayar;

“Yang Dipertua” ertinya orang yang pada masa itu menjalankan kewajipan-kewajipan jawatan Yang Dipertua Majlis Daerah Gua Musang dengan sah di sisi undang-undang.

BAHAGIAN II

LARANGAN-LARANGAN DI DALAM TAMAN

Kesalahan-Kesalahan

3. Mana-mana orang di dalam mana-mana taman -
 - (a) mengalih atau merosakkan apa-apa papan tanda, notis atau undang-undang kecil yang dipamerkan di dalam taman itu;
 - (b) membawa bersama, melekatkan atau menampal sebarang bil, pelekat, notis, kain rentang, bendera, banting atau iklan pada atau di atas mana-mana dinding, pokok, pagar atau struktur;
 - (c) menggunakan apa-apa pelaung, pembesar suara, sistem yang digunakan untuk bercakap kepada orang ramai atau lampu tumpu tanpa mendapat kebenaran bertulis daripada Yang Dipertua;
 - (d) mengalih, memindah, merosakkan atau mencacatkan mana-mana tempat duduk perkakas, tempat permainan kanak-kanak, utiliti atau peralatan lain;
 - (e) menempatkan, melonggokkan atau membuang atau menyebabkan atau membenar ditempatkan, dilonggokkan atau dibuangkan apa-apa debu, habuk, kertas, abu, bangkai binatang, sampah sarap atau benda buangan;
 - (f) menjatuhkan, menumpahkan atau menaburkan apa-apa habuk, pasir tanah, batu kelikir, tanah gembur, batu, rumput, jerami, ketaman, habuk papan, sampah kebun, sampah kandang ternakan, sampah perdagangan, baja, sampah sarap atau apa-apa benda atau bahan buangan lain;

- (g) membuang atau meninggalkan apa-apa botol, gelas, tin, pembalut makanan, sisa-sisa makanan atau apa-apa artikel atau benda lain daripada kenderaan motor yang bergerak atau tidak bergerak dengan apa-apa cara lain;
- (h) memanjat mana-mana dinding, pagar, struktur atau pokok;
- (i) menunggang, menolak atau membawa masuk kenderaan tidak bermotor atau memandu kenderaan motor di atas mana-mana kawasan berumput atau lorong pejalan kaki;
- (j) berjalan di atas mana-mana batas bunga atau rumpun-rumpuan pokok renek;
- (k) memotong, mengalih, merosakkan atau memusnahkan mana-mana pokok bunga, tempat duduk, tumbuh-tumbuhan atau pokok;
- (l) memindah mana-mana tanah berumput atau mengorek mana-mana tanah;
- (m) membaling atau membuang apa-apa batu atau pelempar lain;
- (n) mandi di dalam mana-mana kolam, tasik atau anak sungai kecuali di mana-mana tempat mandi yang telah ditetapkan oleh Yang Dipertua;
- (o) mengalirkan atau menyebabkan dialir apa-apa bahan buangan atau cecair buangan daripada mana-mana premis ke dalam mana-mana longkang, kolam, tasik atau anak sungai di dalam taman dan yang mencemar atau mungkin mencemarkan mana-mana longkang, kolam, tasik atau anak sungai itu;
- (p) menggunakan sampan atau kenderaan air yang lain atau memancing atau mengadakan sebarang jenis sukan air di dalam mana-mana kolam, tasik atau anak sungai kecuali dengan kebenaran bertulis Yang Dipertua atau mengganggu dengan apa-apa cara pun akan aliran air daripada mana-mana kolam, tasik atau anak sungai yang melimpahi alur air;
- (q) menyalaikan api, membakar bunga api atau mercun, melepaskan tembakan dari mana-mana senjata api atau senapang angin tanpa kebenaran yang sah dari pihak berkuasa berkenaan atau Yang Dipertua terlebih dahulu;
- (r) bermain layang-layang atau apa-apa permainan kecuali di tempat-tempat yang diperuntukkan dengan nyata bagi permainan itu;
- (s) berumur lebih dua belas tahun, menggunakan peralatan permainan kanak-kanak;
- (t) membasuh atau mengeringkan apa-apa benda atau memukul mana-mana hamparan, tikar atau apa-apa jenis pakaian;
- (u) mendirikan apa-apa struktur tanpa mendapat kebenaran bertulis daripada Majlis terlebih dahulu;
- (v) mempamerkan, mendedahkan untuk jualan atau menjual atau menjaja apa-apa barang, benda atau makanan atau minuman kecuali di tempat-tempat tertentu dan di upacara tertentu yang boleh diluluskan oleh Majlis;

- (w) menggunakan apa-apa jua bahasa yang lucah atau sumbangan atau berkelakuan tidak senonoh atau sumbang;
- (x) menghalang Yang Dipertua, Setiausaha atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis oleh Yang Dipertua dalam menjalankan dan melaksanakan tugasnya;
- (y) melibatkan diri dalam menjaga atau membasuh mana-mana kenderaan bermotor atau kenderaan tidak bermotor tanpa mendapat kebenaran bertulis daripada Majlis terlebih dahulu;
- (z) berkhutbah, bersyarah atau menyampaikan apa-apa ucapan di hadapan khalayak ramai atau berkumpul di dalam taman bagi maksud mengadakan atau mengambil bahagian dalam apa-apa perjumpaan agama, politik atau mana-mana perjumpaan lain atau membuat mana-mana demonstrasi tanpa mendapat kebenaran secara bertulis daripada Yang Dipertua;
- (aa) memancing, menjala, menangkap apa-apa hidupan dalam air dari benteng, tebing sungai atau tasik kecuali di tempat-tempat yang diperuntukkan dengan nyata bagi aktiviti tersebut; atau
- (bb) menggunakan apa-apa peralatan atau kemudahan yang disediakan khas untuk Orang Kelainan Upaya sedangkan dia bukan Orang Kelainan Upaya;

adalah melakukan suatu kesalahan.

Membawa masuk binatang

4. Tiada seorang pun boleh menyebabkan atau membiarkan mana-mana binatang kepunyaannya atau di dalam jagaannya dibawa masuk atau berada di mana-mana taman.

Larangan menangkap, menjerat atau membunuh binatang, serangga, ikan atau burung

5. (1) Tiada seorang pun boleh, di dalam mana-mana taman-

- (a) menangkap, menjerat atau membunuh mana-mana binatang dalam sesuatu taman; atau
- (b) memiliki apa-apa alat atau perkakas bagi memerangkap mana-mana binatang.

(2) Mana-mana Yang Dipertua, Setiausaha atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis oleh Yang Dipertua boleh merampas alat atau perkakas seperti itu dari mana-mana orang yang didapati berada atau dijumpai di dalam taman.

Kenderaan bermotor atau kenderaan tidak bermotor dilarang

6. (1) Tiada kenderaan bermotor atau kenderaan tidak bermotor boleh memasuki sesuatu taman tanpa kebenaran bertulis daripada Yang Dipertua.
 - (2) Yang Dipertua, Setiausaha atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis oleh Yang Dipertua boleh mengalihkan mana-mana kenderaan motor atau kenderaan tidak bermotor yang melanggar peruntukan perenggan (1) dan menahannya di mana-mana tempat yang difikirkan sesuai oleh Majlis.
 - (3) Tiap-tiap kenderaan motor atau kenderaan tidak bermotor yang ditahan adalah di bawah risiko pemunya kenderaan tersebut.

Larangan meletak kenderaan sembarangan

7. (1) Tiada kenderaan motor atau kenderaan tidak bermotor boleh diletakkan di mana-mana tempat di dalam mana-mana taman kecuali di tempat yang disediakan oleh Majlis bagi meletak kenderaan bermotor atau kenderaan tidak bermotor itu.
 - (2) Jika sebuah kenderaan motor diletakkan di mana-mana tempat di dalam taman selain tempat yang disediakan untuk meletak kenderaan bermotor dan pemandu atau orang yang berkuasa menjaga atau mengawal kenderaan bermotor itu tidak diketahui atau tidak dapat dipastikan, tuan punya berdaftar kenderaan motor itu hendaklah dianggap, melainkan jika dibuktikan sebaliknya, sebagai melanggar perenggan (1).

BAHAGIAN III**PENGUATKUASAAN****Pengusiran dari taman**

8. (1) Mana-mana orang yang melakukan apa-apa perbuatan yang menyalahi apa-apa peruntukan Undang-Undang Kecil ini boleh diperintahkan keluar dari mana-mana taman oleh mana-mana pegawai diberi kuasa dan boleh tidak dibenarkan masuk kemudiannya.
 - (2) Mana-mana orang yang enggan mematuhi perintah itu bolehlah dikeluarkan dengan cara paksa oleh Yang Dipertua, Setiausaha atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis oleh Yang Dipertua.

Kuasa menutup taman

9. Majlis boleh menutup mana-mana taman atau mana-mana bahagian taman itu pada bila-bila masa.

Kuasa menyita

10.(1) Yang Dipertua, Setiausaha atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis oleh Yang Dipertua boleh menyita atau mengalihkan apa-apa barang atau benda yang menyalahi Undang-Undang Kecil ini dengan risiko ditanggung oleh pemunya.

(2) Apa-apa benda atau barang yang disita di bawah perenggan (1) adalah daripada jenis yang mudah rosak atau yang mengikut sifatnya lekas rosak atau jika penjagaan benda atau barang itu melibatkan perbelanjaan dan kesusahan yang tidak munasabah atau dipercayai akan membahayakan orang ramai, Yang Dipertua, Setiausaha atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis boleh mengarahkan supaya benda atau barang itu dilupuskan mengikut cara yang ditentukan oleh Yang Dipertua.

(3) Mana-mana orang yang menuntut apa-apa benda atau barang selain benda atau barang yang disita di bawah perenggan (2), boleh menuntut benda atau barang tersebut daripada Majlis dalam tempoh tujuh hari dari tarikh benda atau barang itu disita.

Dengan syarat bahawa jika sekiranya tiada apa-apa tuntutan dibuat ke atas mana-mana barang yang telah disita dalam tempoh tujuh hari, Yang Dipertua boleh melupuskan barang-barang itu dengan cara yang difikirkan patut olehnya.

(4) Yang Dipertua, Setiausaha atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis tidaklah bertanggungan kepada mana-mana orang atas apa-apa kerosakan atau kerugian benda atau barang yang disita di bawah Undang-Undang Kecil ini.

BAHAGIAN IV

AM

Pengkompaunan kesalahan

11.(1) Yang Dipertua, Setiausaha atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis oleh Yang Dipertua, dengan keizinan Pendakwa Raya, boleh mengkompaun mana-mana kesalahan yang dilakukan oleh mana-mana orang di bawah Undang-Undang Kecil ini dengan membuat suatu tawaran bertulis kepada orang yang disyaki telah melakukan kesalahan untuk mengkompaun kesalahan itu dengan membayar suatu amaun wang yang tidak melebihi lima puluh peratus daripada amaun denda maksimum bagi kesalahan itu kepada Majlis dalam masa yang dinyatakan dalam tawaran itu.

(2) Suatu tawaran di bawah perenggan (1) boleh dibuat pada bila-bila masa selepas kesalahan itu dilakukan tetapi sebelum apa-apa pendakwaan baginya dimulakan, dan jika amaun yang dinyatakan dalam tawaran itu tidak dibayar dalam tempoh yang dinyatakan dalam tawaran itu atau dalam apa-apa tempoh lanjutan yang dibenarkan oleh Yang Dipertua atau Setiausaha atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis oleh Yang Dipertua, pendakwaan terhadap kesalahan itu boleh dimulakan pada bila-bila masa selepas itu terhadap orang yang kepadanya tawaran itu telah dibuat.

(3) Jika suatu kesalahan telah dikompaun di bawah perenggan (1), tiada pendakwaan boleh dimulakan selepas itu berkenaan dengan kesalahan itu terhadap orang yang kepadanya tawaran untuk mengkompaun kesalahan itu telah dibuat dan apa-apa benda yang disita berkaitan dengan kesalahan itu hendaklah dilepaskan, tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang ditetapkan.

(4) Kesemua wang yang diterima di bawah Undang-Undang Kecil ini hendaklah dibayar kepada kumpulan wang yang diwujudkan di bawah mana-mana undang-undang yang berhubung dengan kerajaan tempatan.

Penalti

12. Mana-mana orang yang melanggar mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan hukuman denda yang tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya dan bagi mana-mana kesalahan yang berterusan dilakukan setelah sabitan boleh dikenakan denda yang tidak melebihi dua ratus ringgit bagi setiap hari kesalahan itu berterusan.

Pengecualian

13.(1) Yang Dipertua boleh, jika difikirkannya perlu, mengecualikan mana-mana orang daripada mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini.

Bertarikh 30 April 2014
[SUK.D.200(05) 472/36/2(21)]

HAJI NAZRAN BIN MUHAMMAD
Yang Dipertua
Majlis Daerah Gua Musang

Disahkan pada 28 Oktober 2015
[SUK.D.200(05) 849/1 Jld.6(7)]

HAJI MOHD ARIF BIN MOHD NOR
Setiausaha
Majlis Mesyuarat Kerajaan
Negeri Kelantan

LOCAL GOVERNMENT ACT 1976**PARKS (GUA MUSANG DISTRICT COUNCIL)
BY-LAWS 2020**

ARRANGEMENT OF BY-LAWS

**PART I
PRELIMINARY****By-Laws**

1. Citation, application and commencement
2. Interpretation

**PART II
PROHIBITIONS IN THE PARK**

3. Offences
4. Entry of animals
5. Prohibition on the catching, trapping or killing of animals, insect, fish or birds
6. Prohibition on entry of motor vehicles or non-motor vehicles
7. Prohibition on indiscriminate parking

**PART III
ENFORCEMENT**

8. Eviction from the park
9. Closure of park
10. Power of seizure

**PART IV
GENERAL**

11. Compounding of offences
12. Penalty
13. Exemption

LOCAL GOVERNMENT ACT 1976**PARKS (GUA MUSANG DISTRICT COUNCIL)
BY-LAWS 2020**

IN exercise of the powers conferred by section 102 of the Local Government Act 1976 [Act 171], the Gua Musang District Council makes and pursuant to section 103 of the Act, the State Authority confirms the following by-laws:

**PART I
PRELIMINARY****Citation, application and commencement**

1. (1) These by-laws may be cited as the Parks (Gua Musang District Council) By-Laws 2020.

(2) These By-Laws shall apply only to the area administered by the Gua Musang District Council.

(3) These By-Laws shall come into operation on the date of its publication in the *Gazette*.

Interpretation

2. In these By-Laws, unless the context otherwise requires-

“motor vehicle” means every description of vehicle propelled by means of mechanism contained within itself and constructed or adapted to be used on roads and water;

“non-motorised” includes bicycle, tricycle, wheelbarrow and cart;

“Council” means the Gua Musang District Council;

“disabled person” means those who have long-term physical, mental, intellectual or sensory impairments which in interaction with various barriers may hinder their full and effective participation in society means persons with a physical, hearing or sight impairment which affects his mobility;

“Secretary” means the Secretary of Gua Musang District Council;

“structure” means any house, hut, shed, stall, signboard, tent, booth, table, pole, lean to, shelter, roofed enclosure or any extension or any other erection of whatever material

“parks” includes open space, pedestrian mall, garden, zoo or mini zoo, recreation or amusement park toys, playground, roundabouts, central divider along roads, roadside, road reserve, terminal, lake, stream, river bank, beach or any other grounds maintained by the Council for public purposes or under jurisdiction of the Council;

“utility” includes water pipe, cable and wire;

“President” means the person for the time being carrying out the duties of the office of the President of the Gua Musang District Council with legitimate law.

PART II

PROHIBITIONS IN THE PARK

Offences

3. Any person who in any park-

- (a) removes or damages any signboard, notice, by-laws exhibited therein;
- (b) carries on his person, affixes or posts any bill, placard, notice, banner, flag, bunting or advertisement to or on any wall, tree, fence, or structure;
- (c) uses any loud hailer, amplifier, public address system or spotlight without written permission from the president;
- (d) removes, displaces, damages or defaces any seat, children's playground apparatus, utilities or other appliances;
- (e) places, deposits or throws or causes or allows to be placed, deposited or thrown of any dust, dirt, paper, ash, carcass, rubbish or refuse;
- (f) drop, spill or scatter any dirt sand, soil, gravel loam, stone, grass, straw, shavings sawdust, garden refuse, stable refuse, trade refuse, manure, garbage or any other thing or matter;
- (g) throws or leave any bottles, glass, can, food wrapper, food scraps or any other article or thing from a moving or stationary vehicle in any other way;
- (h) climbs any wall, fence, structure or tree;
- (i) rides, pushes or brings in a non-motorized vehicle or drives a motor vehicle over any lawn or footpath;
- (j) walks over flower beds or shrubberies;
- (k) cuts, removes, damages or destroys any flower, seat, plant or tree;
- (l) removes any turf or excavates any earth;

- (m) throws or discharges any stone or other missile;
 - (n) bathes in any pond, lake or stream except at any bathing place established by the President for that purpose;
 - (o) discharges or causes to be discharged any waste matter or effluent from any premise into a pond, lake or stream in the park and which pollutes or is likely to pollute such pond, lake or stream;
 - (p) uses a boat, or other sorts of water transports or fishing or organizing any sorts of water sports in any pond, lake or stream except with the written permission of the President or interferes in any way with the flow of water from any pond or lake;
 - (q) kindles any fire, lets off any fireworks or crackers, or discharges any firearm or air gun without the written permission of the appropriate authority or President;
 - (r) flies any kite or plays any games except in the places expressly allotted for such games;
 - (s) being over the age of twelve years, uses any children's playground apparatus;
 - (t) washes or dries anything or beats any carpet, mat or any kind of clothing;
 - (u) erects any structure without the previous written permission of the Council;
 - (v) exhibits, or exposes for sale or sells any goods, article of food or drink except at such places therein and on such occasions as may be approved by the Council;
 - (w) uses any indecent or offensive language or behaves in an indecent or offensive manner;
 - (x) obstructs the President, Secretary or any authorised officer in the performance and execution of his duty; or
 - (y) engages in looking after or washing any motor vehicle or non-motorised vehicle without the prior written permission of the Council;
 - (z) preaches, lecture or delivers any public address or assembles in the park for the purpose of holding or taking part in any religious, political or any other meeting or make any demonstration without written permission of the President;
- (aa) fishing, nets, catches any aquatic from embankment, riverbank or lake except in the places expressly provided for such activities; or
 - (bb) use any equipment or facility specially provided for people with disabilities while he is not disabled person;

shall be guilty of an offence.

Entry of animals

4. No person shall cause or allow any animals belonging to him or in his charge to enter or remain in any park.

Prohibition on the catching, trapping or killing of animals, insect, fish and bird

5. (1) No person shall in any park-

(a) catch, trap or kill any animal, insect, fish or bird in park; or

(b) have in his possession of any device or instrument for trapping of any animal, insect, fish or bird.

(2) Any of the President, Secretary or any officer authorised in writing by the President may seize such device or instrument from any person who is found to be or the park.

Prohibition on entry of vehicle or non-motor vehicle

6. (1) No motor vehicle or non-motorised vehicle shall enter a park without the written permission of the President.

(2) The president, Secretary or any officer authorized in writing by the President may remove any motor vehicle or non-motorised vehicle in contravention of paragraph (1) and detain it at such places as deemed fit by the Council.

(3) Every motor vehicle or non-motorised vehicle shall be going detained at the risk of the owner of the motor vehicle.

Prohibition on indiscriminate parking

7. (1) No motor vehicle or non-motorised vehicle shall be parked in any place in any park except in a place which is reserved by the Council for the parking of such motor vehicle or non-motorised vehicle.

(2) If a motor vehicle is parked in any place in the park other than in a place reserved for the parking of such motor vehicle and the driver or a person having charge or control of the motor vehicle is not known or cannot be established, the registered owner of the motor vehicle shall be presumed, unless the contrary is proved, to have contravened paragraph (1).

PART III

ENFORCEMENT

Eviction from the park

8. (1) Any person who commits any act in contravention of any provision of these By-Laws may be ordered out of any park by any authorized officer and shall not be allowed in later.

(2) Any person who refuses to comply with the order may be removed forcibly by the President, the Secretary or any officer authorized in writing by the President.

Closure of park

9. The Council may close any park or any portion thereof at any time.

Power of seizure

10. (1) The President, the Secretary or any officer authorized in writing by the President may seize or remove any things or goods in contravention of these By-Laws with the risk to be borne by the owner.

(2) Any things or goods seized under paragraph (1) are of perishable nature or are subject to speedy and natural decay or where the custody of such things or goods involves expenses and inconvenience which is unreasonable or is believed to causes hazard to the public, the President, Secretary or any officer authorized in writing may direct that such things or may be disposed of in any manner as determined by the President.

(3) Any person who claims any things or goods other than things or goods disposed under paragraph (2) may claim such things or goods from the Council within seven days from the date something or good being seized.

Provided that if no such claim is made in respect of any things or goods seized within seven 7 days, the President may dispose of the things and goods in a manner as he may think fit.

- (4) The President, Secretary or any officer authorized in writing shall not be liable to any person for any deterioration or damages of thing or goods seized under these By-Laws.

PART IV
GENERAL

Compounding of offences

11. (1) The President, Secretary or any officers authorised in writing by the President, with the consent of the Public Prosecutor, may compound any offence committed by any person under these By-Laws by making a written offer to the person suspected of having committed the offence to compound the offence upon payment to the Council of an amount of money not exceeding the amount fifty percent of the amount of the maximum fine for that offence within the time specified in the offer.

(2) An offer under paragraph (1) may be made at any time after the offence has been committed but before any prosecution for it has been instituted, and if the amount specified in the offer is not paid within the period specified in the offer or within such extended period as the President, Secretary or any officers authorised in writing by the President, prosecution for the offence may be instituted at any time after that against the person to whom the offer was made.

(3) If an offence has been compounded under paragraph (1), no prosecution shall be instituted after that in respect of the offence against the person to whom the offer to compound was made and anything seized in connection with the offence shall be released, subject to such terms and condition as may be prescribed.

(4) All monies received under these By-Laws shall be paid into the fund constituted under any law relating to local government.

Penalty

12. Any person who contravenes any of the provisions of these By-Laws shall be guilty of an offence and shall upon conviction be liable to a fine not exceeding two thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding one year or to both such fine and imprisonment and in the case of a continuing offence to a fine not exceeding two hundred ringgit for each day during which such offence is continued after conviction.

Exemption

13. (1) The President may, where he thinks necessary, exempt any person from any of the provision of these By-Laws.

(2) The President may, in giving such exemption, impose any such condition as he thinks fit.

Dated 30 April 2014
[SUK.D.200(05) 472/36/2(21)]

HAJI NAZRAN BIN MUHAMMAD
President
Gua Musang District Council

Confirmed on 28 October 2015
[SUK.D.200(05) 849/1 Jld.6(7)]

HAJI MOHD ARIF BIN MOHD NOR
Secretary
State Executive Council
Kelantan